

PM laksana agenda berani

Kerajaan kurangkan beban rakyat berpendapatan rendah, buat pembaharuan

BH - 26/3/2008

Oleh Azman Zakaria, Azli Ayob dan Suffian A Bakar

KUALA LUMPUR: Mengambil kira masalah dan kebimbangan rakyat seperti disuarakan menerusi keputusan pilihan raya umum 8 Mac lalu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melaksanakan agenda berani dalam penggal keduanya sebagai Perdana Menteri.

Sebagai permulaan, beliau akan memperkenalkan pakej mengandungi tiga langkah untuk mengurangkan beban yang dihadapi rakyat berpendapatan rendah.

Dalam ucapan pada persidangan Invest Malaysia 2008 di sini semalam, Abdullah berkata, keputusan pilihan raya umum lalu memberi mesej kuat bahawa beliau tidak bergerak sepanas seperti sepatutnya dalam melaksanakan pembaharuan yang dijanjikan.

INFO

Pakej tiga langkah

1 Mengurangkan impak kenaikan harga barang dunia ke atas golongan isi rumah berpendapatan rendah dan mengehadkan pembaziran serta kerugian disebabkan subsidi;

2 Mengkaji semula pelaksanaan pelan ekonomi bagi memastikan faedahnya dinikmati rakyat, terutama golongan yang paling memerlukan; dan

3 Terus berusaha mengurangkan jurang pendapatan di antara dan di kalangan kumpulan etnik serta memastikan keadilan untuk semua rakyat.

Beliau, yang mengambil maklum mengenai perkara itu menegaskan, barisan Kabinet barunya akan bekerja kuat sebagai satu pasukan serta memberi perhatian kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kerana semakin ramai golongan muda melayari internet serta menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) dalam mendapatkan maklumat.

"Adalah penting barisan Kabinet untuk terus bekerja secara jujur dan berintegriti kerana tidak mahu parti jatuh," katanya pada persidangan anjuran bersama AmInvestment Bank Group, Bursa Malaysia dan bank pelaburan Macquarie itu.

Turut hadir ialah Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Pengerusi Bursa Malaysia, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Zarinah Anwar.

Perdana Menteri berkata, kerajaan

juga akan memberi keutamaan untuk mengurangkan kadar jenayah secara drastik, meningkatkan usaha memerangi rasuah, menyokong pembaharuan dalam sistem kehakiman serta memastikan bilangan tempat ibadat yang adil kepada semua agama.

Pada masa yang sama, usaha akan diteruskan untuk memenuhi janji kepada rakyat, terutama meneruskan rancangan pembangunan seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Beberapa program akan dikemas kini menerusi kajian separuh penggal RMK-9 bagi memastikan faedahnya dinikmati secara jelas oleh semua rakyat.

"Pelaksanaan pembangunan koridor akan diteruskan sesuai dengan manifesto Barisan Nasional (BN) yang memberi komitmen untuk mengurangkan jurang antara wilayah, manakala hubungan kerja yang produktif akan diwujudkan dengan se-

mua kerajaan negeri.

"Usaha juga akan diteruskan untuk memantapkan lagi ekonomi Malaysia dalam rantaian nilai dengan meningkatkan pelaburan dalam sektor bioteknologi dan pertanian serta meneruskan fokus kepada perusahan kecil dan sederhana.

Abdullah mengakui keputusan pilihan raya umum lalu di luar jangkaan BN, tetapi sebagai kerajaan yang berpengalaman dan terbukti keupayaannya, ia akan terus meningkatkan pelaburan dan perniagaan serta memastikan pertumbuhan ekuiti.

"Kerajaan BN tidak terkongkong oleh dogmatik dan rigid. Ia adalah kerajaan yang praktikal. Ia adalah kerajaan yang sedia mendengar masalah rakyat. Yang utama, ia adalah kerajaan yang bersedia untuk mengubah dan menangani masalah rakyat," katanya.